



FKAL, FPP kukuhkan kerjasama pengurusan akademik pelajar

UB 23.09.2023 P.06

LABUAN: Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menerima kunjungan hormat daripada Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) UMS di Bilik Kiam-sam, UMSKAL, baru-baru ini.

Kunjungan hormat ini melibatkan 14 kakitangan FPP yang diketuai oleh Dekan FPP, Profesor Dr. Murnizam Halik dan disertai oleh Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa), 10 orang Ketua Program dan 4 orang

kakitangan pentadbiran.

Kunjungan hormat ini diadakan bertujuan untuk membincangkan idea berkenaan pengurusan akademik prasiswazah.

Perbincangan dua hala ini turut disertai oleh Dekan FKAL, Prof. Madya Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal dan semua Timbalan Dekan dan Ketua Program FKAL.

Dalam perbincangan tersebut, kedua-dua pihak berkongsi idea dan solusi yang mampu merangsang kecekapan pengurusan akademik prasiswazah terkait dengan akademik termasuk usaha untuk men-

ingkatkan keberkesanan program mentor mentee.

Dr. Murnizam berkata, program mentor mentee perlu memainkan peranan penting sebagai satu sistem sokongan yang kukuh kepada pelajar UMS, terutama dalam menangani masalah akademik pelajar.

Beliau berpendapat bahawa program ini perlu menjadi satu platform utama kepada pelajar UMS untuk mendapatkan khidmat nasihat dan bimbingan daripada mentor mereka bagi isu-isu yang terkait dengan akademik termasuk isu pendaftaran

kursus, prestasi akademik dan syarat graduasi.

Sementara itu, Dr. Geoffrey pula berkata, sebagai mentor, para pensyarah perlu memainkan peranan yang lebih aktif dengan memastikan sekurang-kurangnya dua perjumpaan diatur dengan mentee mereka bagi setiap semester.

Beliau juga mencadangkan supaya perjumpaan dengan mentee dijalankan secara santai bagi memberikan keselarasan kepada pelajar dalam membincangkan permasalahan akademik mereka.

Selain daripada hal pen-

gurusan akademik, kedua-dua pihak juga telah membincangkan potensi untuk menjalinkan kerjasama penyelidikan berdasarkan bidang kepakaran masing-masing.

Kedua-dua pihak setuju bahawa bidang psikologi mempunyai hubungan yang relevan dengan bidang perniagaan dan kewangan.

Terdapat pelbagai faktor psikologi yang menenggarahi keputusan dari aspek pelaburan dan pengurusan risiko kewangan yang perlu dikaji dengan mendalam bagi faedah industri kewangan.

KERJASAMA: Dekan FPP, Profesor Dr. Murnizam Halik (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Dekan FKAL, Prof. Madya Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal.